



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS PELUPUSAN BARANG RAMPASAN / SITAAN OPS BANTERAS AKTIVITI HARAM (BAH)

KUALA LUMPUR, 17 Mac 2015 – Kementerian Wilayah Persekutuan mengadakan **Majlis Pelupusan Barang Rampasan / Sitaan OPS Banteras Aktiviti Haram (BAH)**, bertempat di Stor Unit Pengurusan dan Tunda, Jabatan Penguatkuasaan DBKL. Majlis Pelupusan Barang Rampasan / Sitaan disempurnakan oleh YB. Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor.

2. Sehingga 1 Mac 2015, sebanyak 9 siri OPS BAH telah dilaksanakan melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Jabatan Pertahanan Awan Malaysia (JPAM) dan sebagainya serta beberapa NGO seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Majlis Belia Wilayah Persekutuan, Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputra Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPPBWPKL), Universiti Teknologi Mara (UITM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR). Operasi tersebut tertumpu kepada pusat judi haram, rumah urut, pusat hiburan, penjaja tanpa lesen dan sebagainya yang diadakan di beberapa kawasan parlimen sekitar Kuala Lumpur.

3. Sempena majlis ini, YB. Menteri Wilayah Persekutuan telah melupuskan barang yang dirampas / disita sepanjang OPS BAH dilaksanakan. Di antara barang yang dilupuskan termasuk 8 buah mesin judi yang setiap satunya bernilai RM20,000, CPU, Monitor, Keyboard / Mouse / Printer / Speaker, TV, CCTV / Video Recorder, Astro / TM Decoder, Kerusi / Meja, CD, dan pelbagai jenis barang dianggarkan bernilai kira-kira RM5.4 juta.

4. Pelaksanaan OPS Banteras Aktiviti Haram (BAH) telah dapat mengurangkan gejala negatif yang semakin menular dalam kehidupan masyarakat khususnya di kawasan bandar di Kuala Lumpur. Usaha membanteras aktiviti haram ini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak dalam menjayakan pembanterasan aktiviti haram ini.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
17 MAC 2015**

LAPORAN KESELURUHAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN OPS BAH SEHINGGA 1 MAC 2015

HASIL	SIRI 1	SIRI 2	SIRI 3	SIRI 4	SIRI 5	SIRI 6	SIRI 7	SIRI 8	SIRI 9	JUMLAH
CPU	185	70	750	680	57					1742 UNIT
MONITOR	204	50	767	738	56					1815 UNIT
PC KEYBOARD	192	54	633	596	39					1514 UNIT
TELEVISYEN	18	2	15	17						52 UNIT
MESIN JUDI	1	0	1	5	1					8 UNIT
ROUTER		6	35	22						63 UNIT
MODEM		19	18	1	5					43 UNIT
PUSAT SIBER JUDI HARAM	53	21	43	36	10					163 PREMIS
PUSAT URUT			9	14	10	38	20	18	20	130 PREMIS
PUSAT HIBURAN					3				2	5 PREMIS
PENJAJA TANPA LISEN							10			10 PENJAJA
POTONG ELEKTRIK (TNB)	30	14	17	36	1					98 PREMIS
POTONG AIR (SYABAS)	30	23	17	32						102 PREMIS
BATI (IMIGRESEN)	21		51	11	31	92	5	3	13	227 ORANG
DADAH (AADK)	11		79	11	47	50	36	34	84	352 ORANG
ARAK (JAWI)									110	110 ORANG
KHALWAT (JAWI)	3		4	1	1					9 PASANG
MAJIKAN									1	1 MAJIKAN
TONTO				2	2	2	2	2	2	12 ORANG

1

SENARAI BARANG YANG HENDAK DILUPUSKAN

Senarai Barang	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Jumlah
CPU	685	775	-	1,460
Monitor	688	788	-	1,476
Keyboard/ Mouse/Printer/Speaker	704	737	-	1,441
TV	6	26	-	32
CCTV/Video Recorder	-	9	-	9
Astro/TM Decorder	6	-	-	6
Kerusi/Meja	-	89	-	89
Pelbagai	29	61	-	90
CD(keping)			5000	5000